

Kemas kini Terakhir: 24 Februari 2020

Program Cerapan Pelanggan (CIP) ialah tinjauan kepuasan pelanggan perniagaan ke perniagaan yang dijalankan oleh Caterpillar Inc. bagi pihak penjual Caterpillar.

CIP merupakan tinjauan kepuasan pelanggan perniagaan ke perniagaan yang dijalankan dalam talian atau secara lisan [secara oral/atau melalui telefon]. Caterpillar dan penjual yang berkenaan menentukan pelanggan perniagaan yang berkaitan untuk tinjauan tertentu dan penjual mengenal pasti individu kenalan untuk pelanggan tersebut yang telah bersetuju dengan atau dengan cara lain, harus mengambil bahagian dalam tinjauan sebagai wakil pelanggan itu. Jika anda mengambil bahagian dalam tinjauan CIP, anda boleh memberikan jawapan kepada soalan yang berkaitan dengan kepuasan perniagaan anda dengan produk dan perkhidmatan Cat atau interaksi dengan penjual. Ini mungkin termasuk maklumat yang mungkin mengenal pasti atau dengan cara lain, berkaitan dengan anda (cth., nama, alamat e-mel, gelaran, nombor telefon anda). Hasil daripada tinjauan dikumpulkan bagi pihak penjual. Hasil yang dinyahpengenalan (hasil tanpa apa-apa maklumat yang mengenal pasti atau berkaitan dengan orang sebenar) akan dikongsi dengan Caterpillar (Caterpillar Inc. dan sekutu dan subsidiarinya di seluruh dunia).

Untuk mengetahui maklumat tentang cara penjual Caterpillar berkenaan anda mengumpulkan, memproses dan berkongsi data peribadi dan hak, sila hubungi penjual anda. Untuk mengetahui maklumat tentang cara Caterpillar mengumpulkan, memproses dan berkongsi data peribadi untuk tujuan perniagaannya, dan untuk mengetahui hak yang anda miliki di bawah undang-undang perlindungan data yang terpakai berkenaan data tersebut, sila lihat Pernyataan Privasi Data Global Caterpillar [<http://www.caterpillar.com/dataprivacy>].

Jika anda ingin menarik diri atau menarik balik persetujuan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana tinjauan CIP, sila menghantar e-mel kepada kami di [customerinsights@cat.com](mailto:customerinsights@cat.com) dan kami akan memaklumkan penjual anda.

Untuk mengetahui maklumat lanjut tentang Program Cerapan Pelanggan ini atau untuk menghubungi Caterpillar Inc.:

Customer Insights Program  
501 SW Jefferson Avenue  
Peoria, IL 61630  
[customerinsights@cat.com](mailto:customerinsights@cat.com)